SAMPEL PERCUMA

Soalan UPSA Bahasa Melayu SJKC Tahun 6 · 六年级国文年中考卷

Set penuh: SJKC 上半年考卷 UPSA

三年级 + 六年级 Tahun 3 & 6

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- 三年级 + 六年级 年中考卷 10份 + 答案 · 168页
- UPSA 格式练习 1–6年级 + 答案 · 19页

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/sjkc-upsa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Kandungan · 目录

#	Tahun	Subjek · 科目	Kertas	Muka surat
1	Tahun 6	华文 Bahasa Cina	Ujian Pertengahan · 1 set + jawapan	3
2	Tahun 6	Bahasa Melayu	Ujian Pertengahan · 1 set + jawapan	19
3	Tahun 6	Bahasa Inggeris	Ujian Pertengahan · 1 set + answers	33
4	Tahun 6	Matematik 数学	Ujian Pertengahan · 1 set + jawapan	47
5	Tahun 6	Sains 科学	Ujian Pertengahan · 1 set + jawapan	59
6	Tahun 3	华文 Bahasa Cina	模拟卷 试卷一 + 试卷二 + 答案	80
7	Tahun 3	Bahasa Melayu	Pentaksiran pertengahan tahun · 2 set + jawapan	92
8	Tahun 3	Bahasa Inggeris	Mid-year assessment · 2 sets + answers	117
9	Tahun 3	Matematik 数学	华文版 · 2 set + 答案	145
10	Tahun 3	Sains 科学	华文版 模拟卷 + 答案	159

Cara guna · 使用方法： Buat satu kertas sekali duduk ikut masa yang tertulis, jangan lihat jawapan. Semak dengan skema di hujung setiap kertas, bulatkan soalan yang salah dan buat semula 3 hari kemudian.
每次做一份，按规定时间作答；做完对答案，圈出错题，三天后再做一次。

SJK(C) · KERTAS LATIHAN

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK
TAHUN 6

Bahasa Melayu
1 jam 15 minit

Nama: _____ Kelas: _____

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Bagi Bahagian A, bulatkan jawapan yang paling sesuai.*
4. *Jawapan Bahagian B, C dan D hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.*
5. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	**Soalan**	**Markah Penuh**	**Markah Diperoleh**
A	**1-10**	10	
B	**1**	5	
	2	5	
C	**1**	10	
D	**1**	20	
Jumlah		**50**	

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak. Skema jawapan disertakan di belakang.

Kertas latihan asal Nightmew Studios, disusun mengikut topik separuh pertama Tahun 6 KSSR (Semakan) dan format UASA. Ini bukan kertas peperiksaan sebenar.

Soalan 4 hingga 6
Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kelab Sains sekolah kami telah membina sebuah kebun hidroponik di belakang kantin pada bulan Mac yang lalu. Hidroponik ialah cara menanam sayur tanpa menggunakan tanah. Akar sayur direndam di dalam air yang dicampur dengan baja cecair. Ahli kelab memilih sawi, kangkung dan salad kerana sayur-sayur itu cepat membesar.

Setiap pagi, dua orang murid bertugas memeriksa paras air dan membuang daun yang layu. Selepas empat minggu, sayur-sayur itu sudah boleh dipetik. Hasilnya dijual kepada guru dan ibu bapa pada hari Jumaat. Wang jualan digunakan untuk membeli benih baharu. Menurut guru penasihat kelab, Puan Wong, projek ini mengajar murid supaya bertanggungjawab dan tidak membazirkan air.

4 Mengapakah ahli kelab memilih sawi, kangkung dan salad?

A Sayur-sayur itu mudah dijual.
B Sayur-sayur itu cepat membesar.
C Sayur-sayur itu tidak memerlukan baja.
D Sayur-sayur itu digemari oleh guru.

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

A Wang jualan digunakan untuk membeli benih baharu.
B Sayur-sayur itu ditanam di dalam tanah yang subur.
C Hasil kebun dijual pada setiap pagi.
D Kebun itu dibina di hadapan kantin.

6 Perkataan layu dalam petikan bermaksud

A tumbuh dengan subur
B berubah menjadi besar
C tidak segar lagi
D terlalu basah

Soalan 7 hingga 10
Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PERTANDINGAN BERCERITA TAHAP DUA

Tema: **Cerita Rakyat Malaysia**

Tarikh	18 April 2026 (Sabtu)
Masa	8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tempat	Dewan Seri Cempaka
Masa bercerita	5 minit bagi setiap peserta
Borang penyertaan	Hantar kepada Cikgu Farah sebelum 10 April 2026
Hadiah	Johan: hamper buku dan sijil Semua peserta: sijil penyertaan

BAHAN 2

Jia Hui: Aina, sudahkah kamu menghantar borang pertandingan bercerita?

Aina: Sudah. Saya akan menyampaikan cerita “Batu Belah Batu Bertangkup”. Kamu pula?

Jia Hui: Saya masih ragu-ragu. Saya gementar apabila bercakap di hadapan orang ramai.

Aina: Jangan risau. Kita boleh berlatih bersama-sama di perpustakaan pada waktu rehat. Lama-kelamaan kamu pasti lebih yakin.

Jia Hui: Baiklah. Saya akan memilih cerita “Si Tanggang” dan menghantar borang esok.

7 Borang penyertaan perlu dihantar kepada

A ketua pengawas
B pustakawan sekolah
C guru besar
D Cikgu Farah

Bahagian B

[10 markah]

Jawab semua soalan

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada hari Ahad yang lalu, Wei Jie mengikut datuknya ke dusun buah-buahan di Bentong, Pahang. Mereka bertolak selepas bersarapan dan tiba di dusun itu pada pukul sembilan pagi. Datuk menunjukkan pokok durian, manggis dan rambutan yang ditanamnya sejak dua puluh tahun dahulu.

Wei Jie membantu datuk mengutip buah durian yang gugur lalu memasukkannya ke dalam bakul. Datuk berpesan supaya dia memakai topi keselamatan kerana buah durian boleh gugur pada bila-bila masa. Pada waktu tengah hari, mereka berehat di pondok sambil menikmati buah manggis yang manis. Sebelum pulang, datuk memberikan sebakul rambutan kepada jiran-jirannya. Kata datuk, rezeki yang dikongsi bersama lebih berkat.

(a) Di manakah letaknya dusun datuk Wei Jie?

[1 markah]

(b) Mengapakah Wei Jie perlu memakai topi keselamatan di dusun itu?

[1 markah]

(c) Gariskan **satu** kata hubung dalam ayat di bawah.

Datuk menunjukkan pokok durian, manggis dan rambutan.

[1 markah]

Soalan 2
Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjang jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Nenek Salmah, jiran kamu, tinggal bersendirian. Kakinya sakit dan dia sukar berjalan ke kedai runcit untuk membeli barang dapur. Kamu ternampak dia berjalan perlahan-lahan sambil membawa beg yang berat.

Sebagai jiran yang prihatin, apakah yang akan kamu lakukan? Berikan sebab.

[5 markah]

Bahagian D

[20 markah]

Jawab semua soalan

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan **berformat** atau **tidak berformat**. Panjang karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

PROGRAM KITAR SEMULA DI SEKOLAH

Gambar 1: Taklimat di tapak perhimpunan

Guru besar menerangkan tiga warna tong kitar semula: biru untuk kertas, coklat untuk kaca dan jingga untuk plastik serta tin aluminium.

Gambar 2: Mengumpul bahan terpakai

Murid membawa surat khabar lama, botol plastik dan tin minuman dari rumah ke sekolah.

Gambar 3: Mengasingkan bahan

Murid memasukkan bahan ke dalam tong mengikut warna. Guru membantu menimbang bahan itu.

Gambar 4: Hasil jualan

Bahan dijual kepada pusat kitar semula. Wangnya digunakan untuk membeli buku perpustakaan.

1 Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan catatan harian kamu tentang Program Kitar Semula di sekolah berdasarkan gambar di atas.

Soalan 2 – 5 Markah

a.	Pertunjukan yang diadakan di Dataran Bukit Serindit ialah pertunjukan sarkas.	1
b.	Pertunjukan tersebut berlangsung selama satu minggu.	1
c.	Aksi empat orang ahli sarkas melakukan akrobatik di udara dapat memukau penulis *atau* Ahli sarkas dapat memukau penulis dengan melakukan akrobatik di udara.	1
d.	Gelagat dan telatah pelawak dapat menarik perhatian kanak-kanak kerana mereka menunjukkan kemahiran berjalan dengan kaki kayu panjang.	2

Bahagian C (10 markah)

1.	Datuk mengasah pisau supaya menjadi lebih tajam.	2
2.	Ali dan Abu mengutip sampah supaya kawasan itu menjadi bersih.	2
3.	Ibu menguli tepung untuk membuat donut.	2
4.	Pekerja sedang melayan pelanggan yang datang ke kedai dengan penuh mesra.	2
5.	Abang menyusun pakaian supaya kelihatan kemas.	2

**mana-mana jawapan yang betul diterima*

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: SJKC 上半年考卷 UPSA

三年级 + 六年级 Tahun 3 & 6

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- 三年级 + 六年级 年中考卷 10份 + 答案 · 168页
- UPSA 格式练习 1–6年级 + 答案 · 19页

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/sjkc-upsa-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar